



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.


**GURU TINGKAT I (PG.2)
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.



GURU TINGKAT I
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.2 (\$2,035 - \$3,410 EB KHAS \$3,520 - \$4,000 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEBELAS (11)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Accounting / Business / Business (Management) / Business and Finance / Communication & Computer Systems Engineering / Computer Information Systems / Computer Networks and Information Management / Computer Studies / Computing / Computing and System Development / Electrical and Electronics Engineering / Fine Art / Hospitality Management / Hospitality, Travel and Tourism / Information Systems / Information Technology / Internet and Multimedia Development / Mechanical Engineering / Nautical Science / Pendidikan atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai tenaga pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan
2. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau Bahasa Antarabangsa lain dengan baik.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjadi tenaga pengajar sepenuh masa dan bersedia bertugas di sekolah-sekolah rendah atau menengah di mana-mana yang ditempatkan seperti Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong atau Temburong;



2. Mengurus dan mentadbir bilik darjah;
3. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berasaskan kandungan pengajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersesuaian mengikut keperluan individu pelajar;
4. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar;
5. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam Standard Guru Brunei (*Brunei Teacher Standard*) yang boleh membimbing profesional *learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
6. Bersedia untuk dilantik bagi memimpin atau mentadbir atau mengurus jabatan atau bahagian sekolah;
7. Bersedia untuk dilantik bagi mengurus kegiatan-kegiatan ko-kurikulum;
8. Bersedia untuk memberikan bengkel/seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing;
9. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pemimpin sekolah atau pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa; dan
10. Bertanggungjawab dalam mencapai piawaian prestasi pengajaran sebagai salah satu pendekatan bagi peningkatan kerjaya dan perkembangan profesional dan memberi impak kepada pencapaian pelajar di tahap cemerlang.